

## Mesyuarat “Town Hall” 2023: *Tu Possibilities & Beyond*

### *Berkembang maju di sebalik cabaran global*

**Petaling Jaya, 13 Januari 2023 – “Believe, Become, Behold”.** Tiga slogan korporat Kumpulan LBS Bina Group (“LBS”) ini memberi gambaran bahawa sekiranya anda inginkan sesuatu perkara itu berlaku dengan cepat, anda perlu melangkah bersendirian. Berbeza dengan mereka yang bergerak secara berkumpulan di mana matlamat pasti dapat dicapai bersama. LBS percaya bahawa kerja berpasukan merupakan aspek utama dalam membantu memastikan kemajuan sesebuah syarikat. LBS telah mengadakan mesyuarat “Town Hall”, acara tahunan yang diadakan di Ibu Pejabat LBS untuk berkongsi objektif dan hala tuju syarikat bagi tahun 2023.

Tema mesyuarat “Town Hall” tahun ini adalah *(Tu) Possibilities & Beyond!*, di mana ianya membawa maksud keinginan dan semangat untuk menerima baik sebarang perkembangan dan merancang strategi-strategi baharu untuk memajukan LBS dengan kerja keras dan penuh tanggungjawab, di mana hasilnya, kita pasti dapat mencapai pelbagai peluang keemasan. Perkataan Cina “Tu” mempunyai bunyi yang sama seperti “To” manakala zodiak Cina tahun ini, Arnab mewakili kepintaran, kebijaksanaan dan ketangkasan.

“2022 merupakan tahun yang mencabar bagi LBS dan kami menjangkakan trend itu akan berterusan pada tahun ini. Meskipun menghadapi tahun yang mencabar, kami berjaya mencapai jualan tertinggi dalam sejarah LBS. Sasaran jualan kami dilihat meningkat selama empat tahun berturut-turut dan kami yakin dengan sokongan anda, sasaran jualan baharu tahun ini pasti dapat dicapai. LBS akan terus komited dan bekerjasama untuk menawarkan pelbagai projek menarik kepada pelanggan dan pada masa yang sama, mencapai sasaran jualan kami sebanyak RM2 bilion”, jelas Tan Sri Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif LBS.

Budaya kerja di LBS adalah perkara penting yang akan sentiasa diperbaiki dari semasa ke semasa. Turut bercakap di Mesyuarat Town Hall tersebut, Dato' Cynthia Lim, Pengarah Eksekutif LBS berkata, “tenaga kerja di LBS terdiri daripada pelbagai generasi yang berbeza umur serta pengalaman di dalam syarikat mahupun dalam kalangan keluarga. Jurang generasi boleh mengakibatkan masalah komunikasi yang tidak dapat dielakkan. Dilahirkan dalam kalangan generasi Gen X, adalah sangat penting untuk kita memahami dan menerima perbezaan pekerja di LBS tanpa mengabaikan perbezaan generasi sama ada mereka adalah *baby boomer* atau *milenial*. Menerima baik dan bersifat terbuka terhadap perbezaan, semestinya dapat mengajar kita untuk bekerjasama dengan lebih baik, seiring dengan pencapaian dan kemajuan berterusan syarikat.

LBS telah melalui fasa pendigitalan dan amat penting terutamanya semasa wabak pandemik dan ianya merupakan salah satu elemen yang membantu LBS untuk menghadapi cabaran dengan konsisten. “Selaras dengan matlamat syarikat untuk mengaplikasikan pendigitalan dalam operasi, LBS telah menggunakan pelbagai pendekatan saluran platform digitalnya, daripada tempahan maya hingga menawarkan paparan penuh rumah pameran 360 darjah. Mesyuarat “Town Hall” yang juga dijalankan melalui pendekatan hibrid, berfungsi sebagai platform yang relevan,” tambah Lucas Lim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LBS dan Jurucakap Pendigitalan LBS yang turut menekankan elemen dan kaedah LBS di dalam menerajui pendigitalan di pasaran pemaju hartanah.

Lebih daripada 800 kakitangan dari LBS Bina Group Berhad termasuk anak syarikatnya, MGB Berhad, dan Zhuhai International Circuit Limited (ZIC) hadir secara fizikal dan virtual pada mesyuarat tersebut. Di samping itu, pembentangan prestasi dan aktiviti Syarikat yang telah diadakan pada tahun 2022 turut dikongsikan. Mesyuarat “Town Hall” kekal dilihat sebagai platform yang relevan dan komprehensif untuk berkongsi perancangan dan prestasi Syarikat di antara pengurusan dan kakitangan.

~ Tamat ~